

) KEADAAN SOSIAL DI TANAH MELAYU, 1948-1960

oleh:

HO HUI LING

TESIS YANG DIAJUKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
FEBRUARI 2003

Perpustakaan Universiti Malaya



A511025517

KANDUNGAN

| | Halaman |
|---|--------------|
| Penghargaan | iv |
| Abstrak | vi |
| Abstract | viii |
| Senarai Jadual | x |
| Senarai Rajah | xi |
| Senarai Lampiran | xii |
| Senarai Singkatan | xiii |
| Peta Tanah Melayu | xvii |
| Pendahuluan | xviii |
| | |
| Bab 1 Latar Belakang Sejarah | 1 |
| Kebangkitan Komunisme dan Penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM) | 2 |
| Kegiatan PKM Sehingga Tahun 1948 | 6 |
| Pemberontakan Bersenjata Komunis dan Langkah-langkah Kerajaan Mengatasinya | 19 |
| | |
| Bab 2 Kehidupan Tidak Terjamin | 100 |
| Kekejaman Komunis Terhadap Penduduk Cina | 102 |
| Keganasan Komunis Terhadap Penduduk Melayu | 126 |
| Kegiatan Jahat Komunis Terhadap Penduduk India, Orang Asli dan Kaum Lain | 132 |
| Komuniti di Estet dan Lombokong | 145 |

| | | |
|--------------|---|------------|
| Bab 3 | Kesusahan Hidup | 195 |
| | Pemusnahan Kampung dan Pemindahan Penduduk | 195 |
| | Hidup Berkurung, Arahan Tutup Kedai dan Catuan Makanan | 208 |
| | Kehidupan di Kawasan Penempatan Semula | 232 |
| Bab 4 | Hubungan Kaum | 278 |
| | Hubungan Antara Kaum Sebelum Tahun 1948 | 279 |
| | Hubungan Kaum Pada Zaman Darurat | 285 |
| | Jawatankuasa Hubungan Kaum (<i>Communities Liaison Committee/CLC</i>) | 298 |
| | <i>Malayan Chinese Association (MCA)</i> | 308 |
| | Perikatan UMNO-MCA-MIC | 316 |
| Bab 5 | Pendidikan | 348 |
| | Sekolah dan Pelajar, 1948-1960 | 353 |
| | Sekolah Melayu | 356 |
| | Sekolah Cina | 358 |
| | Sekolah India | 363 |
| | Sekolah Inggeris | 366 |
| | Sekolah di Kampung Baru | 369 |
| | Dasar Pendidikan, 1948-1960 | 373 |
| Bab 6 | Kemudahan Asas | 430 |
| | Jalan Keretapi | 431 |
| | Jalan Raya | 450 |

| | |
|---|------------|
| Perkhidmatan Telefon dan Telegraf | 468 |
| Bekalan Air Paip | 481 |
| Bekalan Elektrik | 489 |
| Sistem Pengairan dan Perparitan | 498 |
| Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan | 507 |
| Bab 7 Kesimpulan | 545 |
| Lampiran | 555 |
| Bibliografi | 579 |

Penghargaan

Dalam proses menyiapkan tesis ini, saya amat terhutang budi kepada beberapa pihak dan orang perseorangan yang telah banyak membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pertama sekali, saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada Profesor Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali selaku penyelia tesis kerana sentiasa bersedia memberi nasihat dan tunjuk ajar sepanjang tempoh pengajian saya di Jabatan Sejarah. Terima kasih juga dirakamkan kepada beliau yang telah membimbang dari awal hingga akhir dalam proses menyediakan tesis ini. Segala perhatian, bimbingan, dorongan, galakan, teguran dan penyeliaan beliau, saya ucapkan jutaan terima kasih.

Dalam menyiapkan kajian ini, saya juga terhutang budi kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor/Melaka; Arkib Negara Malaysia Cawangan Pulau Pinang; Arkib Negara Malaysia Cawangan Kelantan; Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu/Pahang; Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Perak yang telah banyak memberi bantuan semasa kerja mengumpulkan bahan penyelidikan dijalankan. Begitu juga, kakitangan Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Majalah Universiti Malaya; Perpustakaan Negara Kuala Lumpur; Perpustakaan Awam Negeri Selangor serta Perpustakaan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya yang banyak memberi pertolongan dan kerjasama ketika penyelidikan ini dijalankan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Memorial Tunku Abdul Rahman Putra kerana membolehkan saya meneliti bahan pameran yang berkaitan dengan darurat dan komunis di Tanah Melayu. Layanan mesra dan budi baik mereka akan sentiasa dikenang.

Selain itu, ucapan terima kasih ingin saya tujukan kepada saudari Ani Ahmad yang membantu saya membaca akhbar *Utusan Melayu* dan *Majlis* di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Terima kasih juga kepada saudari Noraini Hassan dan saudara Azhar Mad Aros yang bersama-sama saya menjalankan penyelidikan di cawangan-cawangan Arkib Negara Malaysia. Terima kasih juga diucapkan kepada saudara Azharudin Mohamed Dali dan saudara Zulkannain Abdul Rahman yang sudi menyemak draf abstrak tesis ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan dan para pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya yang sentiasa memberi perangsang dan galakan kepada saya. Juga terima kasih kepada Universiti Malaya yang memberi bantuan kewangan (Peruntukan Penyelidikan Jangka Pendek) ketika penyelidikan ini dijalankan. Begitu juga, ucapan terima kasih kepada ketua Jabatan Sejarah, Universiti Malaya kerana memberi peluang kepada saya bertugas sebagai pengajar sementara sambil meneruskan pengajian ke peringkat doktor falsafah.

Akhir sekali, terima kasih kepada keluarga saya di Sibu, Sarawak khasnya kedua ibu bapa saya yang turut memberi galakan dan sokongan sepanjang pengajian saya di Universiti Malaya.

Ho Hui Ling
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya
5 Mei 2002

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat keadaan sosial di Tanah Melayu pada zaman darurat, iaitu di antara 16 Jun 1948 hingga 31 Julai 1960. Penekanan diberi kepada pengaruh komunis dan darurat terhadap keadaan sosial di Tanah Melayu. Antara aspek sosial yang menjadi tumpuan perbincangan termasuk kehidupan penduduk, hubungan kaum, pendidikan dan kemudahan asas. Tesis ini terbahagi kepada tujuh bab.

Bab pertama memperkenalkan perkembangan komunisme di Tanah Melayu sejak tahun 1920-an sehingga pemberontakan komunis dan pengisytiharan darurat. Selain itu, usaha yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani keganasan komunis sepanjang tempoh darurat turut diberi perhatian.

Bab kedua membincangkan bagaimana penduduk Tanah Melayu mengalami kehidupan yang tidak terjamin pada zaman darurat. Juga diperincikan tindakan ganas komunis terhadap penduduk berbilang kaum dan dari berbagai sektor ekonomi seperti industri getah dan bijih timah.

Bab ketiga menerangkan kesusahan hidup yang dihadapi oleh penduduk Tanah Melayu akibat daripada tindakan kerajaan dalam menangani komunis. Antara tindakan kerajaan yang menjadi fokus kajian adalah pemusnahan kampung, pemindahan penduduk, perintah berkurung, arahan tutup kedai dan catuan makanan. Bab ini juga membincangkan keadaan penduduk di kawasan penempatan semula.

Bab keempat berkisar kepada keadaan hubungan kaum di Tanah Melayu pada zaman darurat. Dua tema utama di sini ialah isu-isu yang meningkatkan perasaan perkauman di kalangan penduduk dan langkah untuk mengurangkan masalah tersebut. Masalah hubungan kaum itu kemudiannya membawa kepada penubuhan *'communities*

Liaison Committee (CLC), Malayan Chinese Association (MCA) dan Perikatan UMNO-MCA-MIC.

Bab kelima meneliti keadaan sekolah, pelajar dan dasar pendidikan pada zaman darurat. Turut dibincangkan perkembangan pendidikan di Tanah Melayu ketika itu seperti dasar menyatupadukan semua kaum dan usaha untuk menimbulkan kesedaran tentang bahaya propaganda komunis.

Bab keenam membincangkan kegiatan komunis mengganggu kemudahan asas pada zaman darurat. Antara kemudahan asas yang dibincangkan di sini ialah jalan keretapi, jalan raya, telefon dan telegraf, bekalan air paip, bekalan elektrik, sistem pengairan dan perparitan serta perkhidmatan kesihatan dan perubatan.

Bab terakhir menyimpulkan perbincangan dari bab-bab di atas.

Abstract

The aim of this research is to study the social condition in the Malay States during the period of the emergency between 16 June 1948 to 31 July 1960. Special attention will be given to the influence of communist and emergency towards the social condition in the Malay States. The discussion focuses on the lives of the people, inter-ethnic relations, education and infrastructure amenities. This thesis is divided into seven chapters.

Chapter one introduces the development of communism in the Malay States from 1920's until the outbreak of communist insurgency and the declaration of emergency. Efforts taken by the government to control communist terrorism during the emergency is given prominence.

Chapter two discusses the insecurity faced by the people of the Malay States in their daily lives during the emergency. It also discusses in detail the impact of communist terror towards the different ethnic groups and various economic sectors such as rubber and tin industries.

Chapter three explores the implications of government actions to overcome communist activities. Among the government actions focused in this study are the destruction of villages, the evacuation of villagers, the imposition of curfew, orders to close down shops and food rationing. This chapter also discusses the situation in the resettlement areas.

Chapter four revolves around the condition of inter-ethnic relations in the Malay States during the emergency. The two main themes discussed are the rise of communal sentiments amongst the inhabitants and the actions taken by the government to improve

the situation. The problem of inter-ethnic relations eventually brought about the formation of the Communities Liaison Committee (CLC), Malayan Chinese Association (MCA) and the Alliance Party (UMNO-MCA-MIC).

Chapter five examines the condition of schools, students and education policies during the emergency. Special attention will be given to the development of education in the Malay States; the policy to integrate the various ethnic groups and efforts to develop awareness towards the danger of communist propaganda.

Chapter six discusses the disruption of basic infrastructure and amenities by the communists during the emergency. Among the amenities discussed are the railways, roads, telephones and telegraphs, water supplies, electricity supplies, irrigation and drainage systems, and medical services.

The last chapter concludes the discussions from all the chapters.

Senarai Jadual

| No. Jadual | Halaman |
|---|----------------|
| 1 Cawangan dan Ranting KMT di Tanah Melayu dan Singapura Pada Tahun 1924 | 3 |
| 2 Kawasan Pengeluaran Kebun Getah (25-100 ekar) di Daerah Kemaman, Terengganu Pada Tahun 1949 | 164 |
| 3 Senarai Harga Sayur-Sayuran di Kelantan Pada September 1954 | 239 |
| 4 Senarai Harga Sayur-Sayuran di Kuantan, Pahang Pada September 1954 | 240 |
| 5 Kumpulan Pekerjaan Penduduk Kampung Baru Pada Tahun 1952 | 242 |
| 6 Jumlah Penyertaan Dalam Pasukan Polis Mengikut Komposisi Kaum | 291 |
| 7 Bilangan Kanak-Kanak Sekolah di Tanah Melayu, 1941-1960 | 355 |
| 8 Bilangan Pelajar dan Sekolah Melayu di Tanah Melayu, 1941-1960 | 357 |
| 9 Bilangan Pelajar dan Sekolah Cina di Tanah Melayu, 1941-1960 | 362 |
| 10 Bilangan Pelajar dan Sekolah India di Tanah Melayu, 1941-1960 | 365 |
| 11 Bilangan Pelajar di Sekolah Inggeris di Tanah Melayu, 1941-1960 | 367 |
| 12 Pembahagian Pelajar di Sekolah Rendah Inggeris Mengikut Kaum Pada Tahun 1956 | 369 |
| 13 Sekolah di Kampung Baru Pada September 1951 | 370 |
| 14 Perkembangan Sekolah di Kampung Baru Pada Februari 1952 | 371 |

| | | |
|----|---|-----|
| 15 | Bilangan Orang Asli yang Hadir di Sekolah Mengikut Negeri Pada Tahun 1955 | 380 |
| 16 | Serangan Komunis ke atas Keretapi, Tahun 1952 | 444 |
| 17 | Jumlah Serangan Komunis ke atas Keretapi, 1948-1960 | 449 |
| 18 | Pertumbuhan Perkhidmatan Telefon, 1947-1950 | 470 |
| 19 | Jumlah Skim Bekalan Air Paip di Tanah Melayu, 1950-1955 | 489 |
| 20 | Pembangunan Tanah di bawah Jabatan Parit dan Talair, Tahun 1954 | 504 |
| 21 | Pasukan Kesihatan dan Perubatan yang Berkhidmat di Kampung Baru, Selangor Pada Tahun 1952 | 512 |
| 22 | Kemudahan Kesihatan di Luar Bandar, 1952-1954 | 514 |

Senarai Rajah

| No. Rajah | | Halaman |
|------------------|--|----------------|
| 1 | Perkembangan Sistem Telefon di Tanah Melayu, 1947-1955 | 473 |
| 2 | Insiden Sabotaj Per Bulan, 1951-1952 | 478 |
| 3 | Insiden Sabotaj Per Bulan Pada Tahun 1952 | 479 |

Senarai Lampiran

| No. Lampiran | | Halaman |
|---------------------|---|----------------|
| 1 | Undang-Undang Darurat | 555 |
| 2 | Risalah Darurat No. 245 | 559 |
| 3 | Risalah Darurat No. 264 | 560 |
| 4 | Risalah Darurat No. 265 | 561 |
| 5 | Risalah Darurat No. 243 | 562 |
| 6 | Senarai Kampung Baru dengan Jumlah Penduduknya di Tanah Melayu Pada Tahun 1955 | 563 |
| 7 | Declaration of Amnesty | 572 |
| 8 | Risalah bertajuk “Niat Sebenar Komunis di Tanah Melayu- Pengganas tidak menghormati orang telah meninggal dunia dan juga tidak mengambil peduli tentang orang yang masih hidup”. | 573 |
| 9 | Risalah Darurat No. 527C | 574 |
| 10 | To The Citizens of Tanjong [Tanjung] Malim | 575 |
| 11 | Members of The Indian Education Committee | 576 |
| 12 | Risalah menyampaikan maklumat tentang niat sebenar komunis di Tanah Melayu, iaitu merosakkan pengangkutan awam. | 577 |
| 13 | Risalah Darurat No. 259 | 578 |

Senarai Singkatan

| | | |
|-----------|---|--|
| A.R.O. | - | <i>Assistant Resettlement Officer</i> |
| AMCJA | - | <i>All Malayan Council of Joint Action</i> |
| API | - | Angkatan Pemuda Insaf |
| AWAS | - | Angkatan Wanita Sedar |
| BMA | - | <i>British Military Administration/Pentadbiran Tentera British</i> |
| BNPM | - | Barisan Pembelaan Nasional Malaya |
| C.T. | - | <i>Communist Terrorist</i> |
| C.Ts. | - | <i>Communist Terrorists</i> |
| CAC | - | <i>Central Advisory Committee/Jawatankuasa Penasihat Pusat</i> |
| CEB | - | <i>Central Electricity Board</i> |
| CIAM | - | <i>Central Indian Association of Malaya</i> |
| CID | - | <i>Criminal Intelligence Department/Jabatan Siasatan Jenayah Polis</i> |
| CLC | - | <i>Communities Liaison Committee/Jawatankuasa Hubungan Kaum</i> |
| Comintern | - | <i>Communist International</i> |
| CPM | - | <i>Communist Party of Malaya</i> |
| D.I.D. | - | <i>Drainage and Irrigation Department/Jabatan Parit dan Talair</i> |
| DWEC | - | <i>District War Executive Committee/Jawatankuasa Kerja Perang Negeri</i> |
| E.R. | - | <i>Emergency Regulation</i> |
| FMS | - | <i>Federated Malay States</i> |
| FWC | - | <i>Federal War Council/Majlis Perang Persekutuan</i> |
| GLU | - | <i>General Labour Union</i> |

| | | |
|----------|---|---|
| IMP | - | <i>Independence of Malaya Party</i> |
| IUS | - | <i>International Union of Students</i> |
| JMBRAS | - | <i>Journal of Malayan Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society</i> |
| JSEAH | - | <i>Journal of Southeast Asia History</i> |
| KMT | - | Kuomintang |
| KTM | - | Keretapi Tanah Melayu |
| KVHG | - | <i>Kinta Valley Home Guard</i> |
| LIP | - | Lembaga Letrik Pusat |
| MAP | - | <i>Malayan American Plantation</i> |
| MAS | - | Malayan Administration Service Perkhidmatan Pentadbiran Malaya |
| MBRAS | - | <i>Malaysian Branch of Royal Asiatic Society</i> |
| MCA | - | <i>Malayan Chinese Association/Persatuan Cina Tanah Melayu</i> |
| MCL | - | <i>Malayan Chinese League</i> |
| MDU | - | <i>Malayan Democratic Union</i> |
| MIC | - | <i>Malayan Indian Congress</i> |
| MMKK | - | Maktab Melayu Kuala Kangsar |
| MNDYL | - | <i>Malayan New Democratic Youth League</i> |
| MNLI | - | <i>Malayan National Liberation League/Liga Pembelaan Rakyat Malaya</i> |
| MNP | - | <i>Malay Nationalist Party/Parti Kebangsaan Melayu</i> |
| MPAJA | - | <i>Malayan People's Anti-Japanese Army</i> |
| MPAJESCA | - | <i>MPAJ Ex-Services Comrades' Association</i> |
| MPAJU | - | <i>Malayan People's Anti-Japanese Union</i> |
| MSS | - | <i>Malayan Security Service</i> |

| | | |
|----------|---|---|
| NAP | - | <i>National Association of Perak/Parti Kebangsaan Perak</i> |
| NDYL | - | <i>New Democratic Youth League</i> |
| O.C.P.D. | - | <i>Officer of Constable Police District</i> |
| OCA | - | <i>Overseas Chinese Association</i> |
| PETA | - | Pembela Tanah Air |
| PKC | - | Parti Komunis China |
| PKI | - | Parti Komunis Indonesia |
| PKKU | - | Parti Komunis Kalimantan Utara |
| PKM | - | Parti Komunis Malaya |
| PKMM | - | Parti Kebangsaan Melayu Malaya |
| PKN | - | Parti Komunis Nanyang |
| PKS | - | Pertubuhan Komunis Sarawak |
| PMFTU | - | <i>Pan-Malayan Federation of Trade Unions</i> |
| PMGLU | - | <i>Pan-Malayan General Labour Union</i> |
| PMIP/PAS | - | <i>Pan-Malayan Islamic Party/Parti Islam Se-Malaya</i> |
| PMU | - | <i>Peninsular Malays Unions/Kesatuan Melayu Semenanjung</i> |
| PPH | - | Pasukan Polis Hutan |
| PPP | - | <i>People's Progressive Party</i> |
| PUTERA | - | Pusat Tenaga Rakyat |
| R.S. | - | <i>Resettlement Supervisor</i> |
| RIDA | - | <i>Rural and Industrial Development Authority</i> |
| SCBA | - | <i>Straits Chinese British Association</i> |
| SFTU | - | <i>Singapore Federation of Trade Unions</i> |
| SWEC | - | <i>State War Executive Committee/Jawatankuasa Kerja Perang Negeri</i> |

| | | |
|------|---|--|
| UMNO | - | <i>United Malays National Organization</i> |
| UPAM | - | <i>United Planters Association of Malaya</i> |
| WFDY | - | <i>World Federation of Democratic Youth</i> |

PETA TANAH MELAYU



* Satu batu bersamaan dengan lebih kurang 1.61 kilometer.

Pendahuluan

Tesis ini bertujuan untuk meneliti keadaan sosial di Tanah Melayu pada zaman darurat (16 Jun 1948 hingga 31 Julai 1960). Tempoh ini penting kerana ia didominasi oleh usaha giat penjajah British yang cuba menyusun semula pentadbiran kolonial di Tanah Melayu dan percubaan komunis untuk menegakkan kekuasaan mereka di Tanah Melayu. Persaingan antara kedua-dua pihak itu telah mewarnai keadaan sosial di Tanah Melayu. Bagaimanapun, di sini perbincangan hanya ditumpukan di Tanah Melayu dengan mengecualikan Singapura. Ini memandangkan bahawa Singapura telah menjadi tanah jajahan mahkota British yang mempunyai bentuk pentadbiran yang berbeza dengan Tanah Melayu. Persoalan yang menjadi asas kepada kajian tesis ini ialah bagaimana darurat dan komunis mempengaruhi keadaan sosial di Tanah Melayu antara tempoh 1948-1960? Dalam kajian ini, empat aspek utama yang menjadi tumpuan perbincangan; kehidupan penduduk, hubungan kaum, pendidikan dan kemudahan asas. Dalam jangka masa tersebut memperlihatkan banyak perkara penting berlaku dalam aspek sosial di Tanah Melayu yang disebabkan oleh darurat dan kegiatan komunis. Dari segi kehidupan, misalnya, penduduk menghadapi kesusaahan dan kehidupan yang tidak terjamin akibat kegiatan komunis dan juga kesan daripada langkah kerajaan dalam menangani keganasan komunis. Perkembangan yang berlaku pada zaman darurat meningkatkan lagi ketegangan hubungan kaum di Tanah Melayu, khasnya antara orang Melayu dengan orang Cina. Pada masa yang sama, darurat menyebabkan kerajaan memberi perhatian yang lebih serius terhadap aspek pendidikan dan juga menggiatkan usaha dalam menyusun semula sistem pendidikan di Tanah Melayu. Selain itu, darurat turut mencorakkan pembangunan kemudahan asas di Tanah Melayu. Sistem perhubungan

khasnya sering menjadi sasaran sabotaj penganas komunis. Keadaan ini bukan sahaja mendatangkan banyak kesulitan kepada penduduk tetapi juga usaha kerajaan dalam menyediakan kemudahan sosial untuk memperbaiki kehidupan penduduk.

Tajuk tesis ini dipilih kerana setakat ini belum lagi terdapat kajian yang khusus dan mendalam berkaitan dengan keadaan sosial di Tanah Melayu pada zaman darurat. Sebaliknya, perkembangan, strategi, taktik dan pemberontakan Parti Komunis Malaya (PKM) serta langkah-langkah kerajaan untuk membanteras gerakan komunis di Tanah Melayu telah banyak dikaji serta dibincang oleh para penyelidik dari dalam dan luar negeri. Sementara itu, kebanyakan penulisan yang pernah dibuat mengenai darurat di Tanah Melayu tidak memberi penekanan kepada suasana sosial dan pengaruh darurat ke atas keadaan sosial di Tanah Melayu ketika itu. Setakat ini, tulisan yang berkaitan dengan suasana Tanah Melayu pada zaman darurat hanya mampu memberi gambaran yang umum dan disebut secara sepintas lalu.

Victor Purcell menghasilkan sebuah buku berkenaan komunis di Tanah Melayu pada tahun 1955 yang bertajuk *Malaya: Communist or Free?*.¹ Walaupun beliau ada membincangkan sedikit tentang keadaan di Tanah Melayu pada zaman darurat tetapi perbincangannya adalah umum dan tidak menggambarkan suasana di Tanah Melayu secara menyeluruh.

Peristiwa darurat turut dibincangkan dalam tulisan bertajuk *Handbook To Malaya (Federation of Malaya and The Colony of Singapore) and The Emergency*.² Dalam tulisan ini, terdapat perbincangan berkenaan keadaan sosial di Tanah Melayu dan Singapura pada zaman darurat, tetapi ia lebih merupakan sebuah catatan ringkas dan perbincangannya juga tidak menyeluruh, dan longgar.

Manakala corak perjuangan komunis dari segi ideologi, organisasi dan taktik semasanya diberi penekanan oleh Lucien W. Pye dalam bukunya yang bertajuk *Guerrilla Communism In Malaya: Its Social And Political Meaning*.³ Namun demikian, Pye tidak memberi penekanan kepada keadaan darurat dan pengaruhnya ke atas situasi sosial di Tanah Melayu pada ketika itu.

Anthony Short dalam artikelnya, “Communism and The Emergency”⁴ lebih memberi perhatian kepada sejarah perkembangan PKM di Tanah Melayu dari tahun 1930-1960. Di samping itu, beliau juga menyentuh sedikit tentang usaha kerajaan dalam membanteras gerakan komunis di Tanah Melayu seperti rancangan penempatan semula, peranan Templer dan Rundingan Baling. Namun demikian, beliau tidak membincangkan pengaruh darurat ke atas keadaan sosial di Tanah Melayu.

Selain itu, peristiwa darurat juga dibincangkan oleh Park Bum-joon Lee dalam tesis Ph.D., ‘The British Experience of Counter-Insurgent War in Malaya: The Emergency 1948-1960’.⁵ Namun demikian, beliau memberi penekanan kepada kegagalan pemberontakan PKM dan kaitannya dengan sikap orang Cina terhadap pemberontakan. Lagipun, beliau mengkaji dari sudut pendekatan sains politik dan bukan sejarah.

Dalam artikel Rhoderick Dhu Renick yang bertajuk “The Emergency Regulation of Malaya Causes and Effect”,⁶ terdapat juga perbincangan mengenai darurat di Tanah Melayu. Namun demikian, tulisan ini hanya tertumpu kepada penubuhan kampung baru pada bahagian pertama dan pelaksanaan undang-undang darurat di bahagian kedua artikelnya. Walaupun beliau berjaya membincangkan beberapa jenis akta yang dikuatkuasakan semasa zaman darurat tetapi implikasinya tidak diberi perhatian yang sewajar dalam perbincangan beliau.

Gwee Hock Aun dalam bukunya yang bertajuk *The Emergency in Malaya*,⁷ ada menyentuh tentang darurat di Tanah Melayu. Namun, beliau lebih memberi tumpuan kepada proses yang membawa kepada darurat di Tanah Melayu dan langkah-langkah kerajaan untuk melemahkan pergerakan PKM. Walaupun dalam tulisan tersebut ada menyentuh sedikit keadaan di Tanah Melayu hasil daripada keganasan komunis, tetapi tidak digambarkan secara jelas.

Sementara itu, Richard Clutterbuck dalam bukunya, *The Long Long War: The Emergency in Malaya 1948-1960*,⁸ memberi tumpuan perbincangan kepada perkembangan PKM sejak sebelum tahun 1930 sehingga saki baki komunis menjelang kemerdekaan Tanah Melayu. Clutterbuck juga menyatakan darurat diisytharkan pada Jun 1948 di mana keadaan kekacauan dan huru-hara telah wujud. Kegiatan pemogokan, tunjuk perasaan, kegiatan jenayah telah berleluasa pada masa itu. Namun demikian, beliau tidak memberi perhatian yang wajar kepada kesan darurat ke atas keadaan sosial di Tanah Melayu seperti aspek kehidupan, hubungan kaum, pendidikan dan kemudahan asas.

Pada tahun 1967, Justus M. Van Der Kroef telah menulis sebuah buku bertajuk *Communism in Malaysia and Singapore: A Contemporary Survey*⁹ yang berkaitan dengan perkembangan komunis di Tanah Melayu dan Singapura khasnya dan Asia Tenggara amnya. Dalam buku ini, terdapat dua bab yang membincangkan komunis di Tanah Melayu, iaitu bab 1 dan bab 3.¹⁰ Namun begitu, hanya bab 1 yang merangkumi tempoh perbincangan tesis ini (1948-1960). Dalam bab 1, Der Kroef berjaya membincangkan kebangkitan dan perkembangan komunis dari awal 1920-an sehingga 1960, tetapi beliau tidak membincangkan suasana sosial di Tanah Melayu pada zaman darurat.

Dalam buku P.B.G. Waller yang bertajuk *Notes on The Malayan Emergency: Strategies and Organization of The Opposing Force*,¹¹ perbincangan lebih menekankan struktur organisasi PKM. Ini termasuklah peranan setiap unit yang ditubuhkan oleh pihak PKM dalam menghadapi pasukan keselamatan kerajaan dan kegiatan sabotaj serta propaganda yang dilakukan oleh pasukan gerila PKM. Waller juga mengemukakan proses perjuangan gerila dengan taktik-taktik yang digunakannya. Di samping itu, Waller turut membincangkan strategi yang digunakan oleh pihak kerajaan untuk menghadapi suasana perang gerila itu. Kelemahan dalam buku ini ialah Waller langsung tidak menyentuh tentang pengaruh peristiwa darurat terhadap keadaan sosial di Tanah Melayu.

Sam Charles Sarkesian juga mengkaji darurat di Tanah Melayu dalam tesis Ph.D. bertajuk ‘The Critical Period In Revolutionary Warfare: A Study of The Emergency In Malaya’ pada tahun 1969.¹² Namun begitu, tulisan ini hanya memberi tumpuan kepada strategi PKM serta langkah kerajaan yang bercorak ketenteraan dan politik dalam persaingan kuasa antara kedua-dua pihak di Tanah Melayu. Lebih-lebih lagi, beliau melihat perkembangan darurat di Tanah Melayu dari sudut sains politik dan bukan sejarah.

Gene Z. Hanrahan juga telah menulis sebuah buku berkenaan dengan komunis di Tanah Melayu yang bertajuk *The Communist Struggle in Malaya*.¹³ Bagaimanapun, buku ini hanya memberi penekanan kepada kemunculan dan sejarah PKM; perkembangan PKM yang disebabkan kepimpinan dan kekuatan tenteranya serta sokongan moral daripada penduduk Cina dan kemudian kegagalan PKM. Walaupun perbincangan beliau merangkumi tempoh 1920-an sehingga 1960, tetapi beliau tidak memberi perhatian terhadap keadaan sosial dan implikasi darurat ke atas aspek sosial di Tanah Melayu.

Peristiwa darurat dan komunis turut dibincangkan oleh Harry Miller dalam bukunya yang bertajuk *Jungle War in Malaya: The Campaign Against Communism 1948-1960*.¹⁴ Namun demikian, tulisan ini lebih menekankan aspek gerakan dan taktik komunis serta usaha-usaha kerajaan dalam mengatasi gerakan komunis di Tanah Melayu. Tambahan pula, buku ini lebih merupakan sebuah laporan yang dibuat berdasarkan akhbar *The Straits Times*. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbincangan tentang keadaan hidup masyarakat pada masa darurat, misalnya, dalam bab 1 (halaman 15-26). Namun begitu, ia hanya memberi gambaran secara umum dan disebut sepintas lalu.

Pada tahun 1973, Richard Clutterbuck menulis sebuah lagi buku berkaitan komunis dan darurat di Tanah Melayu yang bertajuk *Riot and Revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*.¹⁵ Tulisan ini masih berada pada tahap yang sama seperti buku beliau sebelum ini. Buku ini memberi tumpuan kepada langkah-langkah kerajaan untuk menghapuskan gerakan komunis, terutamanya aspek ketenteraan pada zaman darurat di Tanah Melayu. Walaupun buku ini membincangkan secara panjang lebar tentang darurat di antara tahun 1948 hingga 1960, tetapi keadaan sosial di Tanah Melayu hanya disebut secara sepintas lalu sahaja.

Dalam tulisan Anthony Short yang bertajuk *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960* pada tahun 1975¹⁶ dan kemudian diterbitkan semula pada tahun 2000 dengan tajuk *In Pursuit of Mountain Rats: The Communist Insurrection in Malaya*,¹⁷ terdapat perbincangan tentang keadaan yang membawa kepada pemberontakan komunis, organisasi dan strategi PKM dalam melancarkan pemberontakan sehingga darurat diisytiharkan dan berbagai langkah kerajaan untuk menghapuskan keganasan komunis. Sebagaimana tulisan lain, beliau telah mengabaikan pengaruh darurat ke atas keadaan sosial di Tanah Melayu.

Ramlan Hamzah juga menulis sebuah artikel berkaitan dengan komunis di Tanah Melayu yang bertajuk “Parti Kominis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya”.¹⁸ Artikel ini hanya memaparkan gambaran umum tentang corak perjuangan PKM sejak penubuhannya pada 1930-an sehingga berakhirnya zaman darurat. Manakala keadaan sosial di Tanah Melayu pada zaman darurat tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Cheah Boon Kheng, seorang pengkaji tempatan yang paling awal dalam kajian mengenai komunis di Tanah Melayu telah menghasilkan sebuah artikel bertajuk “Some Aspects of The Malayan Emergency: 1948-1960”¹⁹ pada tahun 1977. Dalam artikel yang ringkas ini, beliau menyentuh strategi komunis dan langkah kerajaan serta beberapa kesan darurat di Tanah Melayu yang dibincangkan secara sepintas lalu. Keadaan sosial seperti kehidupan penduduk, pendidikan dan kemudahan asas tidak diberi perhatian dalam tulisan beliau. Bagaimanapun, Cheah Boon Kheng ada menyentuh tentang hubungan kaum di Tanah Melayu kesan daripada darurat, tetapi ia hanya dibincangkan secara ringkas.

Seterusnya, pada tahun 1979, Cheah Boon Kheng menulis sebuah buku berkaitan komunis di Tanah Melayu yang bertajuk *The Masked Comrades: A Study of The Communist United Front in Malaya, 1945-1948*.²⁰ Buku ini hanya memberi tumpuan kepada sejarah perkembangan PKM sejak selepas Perang Dunia Kedua sehingga tercetusnya darurat di Tanah Melayu. Dengan itu, skop perbincangan dalam buku ini adalah di luar skop yang dipilih sebagai skop perbincangan tesis Ph.D. ini.

Pada tahun 1981, Osman Mamat telah menulis sebuah buku mengenai aspek sosial dan ekonomi kesan darurat yang bertajuk *Darurat di Terengganu 1948-1960: Beberapa Aspek Ekonomi dan Sosial*.²¹ Walaupun demikian, buku ini hanya memaparkan beberapa aspek sosial dan ekonomi di Terengganu sahaja dan

perbincangannya adalah tidak menyeluruh. Didapati analisis Osman terhadap setiap peristiwa itu adalah berbentuk laporan dan tidak membuat satu perbincangan yang kritikal serta konkret.

Beberapa aspek darurat di Tanah Melayu telah dibincangkan dalam buku bertajuk *Darurat 1948-1960*,²² yang disunting oleh Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang. Sungguhpun begitu, artikel-artikel di dalamnya lebih memberi tumpuan kepada gerakan komunis, sebab-sebab pemberontakan komunis berlaku dan kegalalannya berbanding dengan suasana sosial di Tanah Melayu pada zaman itu. Namun demikian, dalam buku ini terdapat sebuah artikel yang bertajuk “Kegiatan Komunis dan Kesannya ke atas Hubungan Kaum: Bukit Tambun dan Bukit Junun” oleh Baharon Mansor dan Abu Bakar Majid²³ yang menyentuh tentang kesan darurat ke atas hubungan kaum. Namun begitu, kajian hanya dijalankan di Bukit Tambun, Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang dan Bukit Junun di Kota Setar, Alor Setar, Kedah.

Sekali lagi, pada tahun 1983, Cheah Boon Kheng menulis buku berkenaan dengan komunis di Tanah Melayu yang bertajuk *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya 1941-1946*.²⁴ Namun, buku ini lebih memberi perhatian kepada gerakan komunis pada zaman dan selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Sebaliknya, keadaan di Tanah Melayu, khasnya keadaan sosial pada zaman darurat tidak dimasukkan dalam kajian beliau.

Richard Stubbs juga telah membuat kajian tentang darurat di Tanah Melayu, iaitu dalam buku bertajuk *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*,²⁵ tetapi kajian beliau lebih tertumpu kepada usaha kerajaan untuk menghapuskan kegiatan komunis. Walau bagaimanapun, buku ini ada menyentuh sedikit kesan darurat di Tanah Melayu, misalnya dalam bab akhir (halaman 260-264), di mana

darurat telah membantu ke arah perkembangan politik di Tanah Melayu, mengubah keadaan sosial dan ekonomi serta sistem pendidikan, tetapi perbincangan beliau hanya dibuat secara umum dan terhad.

Pada tahun 1992, John Coates menghasilkan buku berkenaan darurat di Tanah Melayu, bertajuk *Suppressing Insurgency: An Analysis of The Malayan Emergency, 1948-1954*.²⁶ Sebagaimana tulisan lain, buku ini menumpukan perbincangan kepada latar belakang yang membawa kepada pengisytiharan darurat, langkah-langkah kerajaan dan organisasi serta strategi PKM dalam persaingan merebut kuasa pentadbiran dengan pihak British di Tanah Melayu. Sebaliknya, keadaan sosial di Tanah Melayu ketika itu tidak dibincangkan.

Pada tahun 1992, Mahmud Embong, seorang pengkaji tempatan menghasilkan dua artikel berkaitan komunis di Tanah Melayu. Artikel bertajuk “Penglibatan Orang Melayu dalam Pergerakan Komunis Peringkat Awal di Tanah Melayu, 1924-1938”²⁷ memberi tumpuan perbincangan kepada kegiatan ejen komunis Indonesia dalam mempengaruhi orang Melayu di Tanah Melayu sejak tahun 1920-an, reaksi orang Melayu terhadap kegiatan PKM dan penglibatan mereka dalam perjuangan komunis di Tanah Melayu pada tahun 1930-an. Tulisan ini hanya bertumpu kepada penglibatan orang Melayu dan tempoh kajian pula hanya merangkumi tahun 1924-1938. Begitu juga dalam artikel beliau bertajuk “Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949”,²⁸ perbincangan hanya tertumpu kepada penglibatan orang Melayu secara berperingkat-peringkat dalam pergerakan komunis di Tanah Melayu dari tahun 1924 sehingga tertubuhnya Rejimen Ke-10 di Kerdau, Pahang pada 10 September 1949. Manakala perkembangan yang berlaku sepanjang zaman darurat adalah di luar skop kajian beliau.

Mohd. Reduan Haji Asli dalam bukunya, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*²⁹ ada menyentuh sedikit kesan darurat, misalnya halaman 65-69, tetapi perbincangannya adalah umum dan tanpa disertai dengan bukti yang kukuh. Selain itu, perbincangan buku ini lebih memberi tumpuan kepada perkembangan komunis di Tanah Melayu dan Sarawak; strategi, taktik dan pendekatan yang digunakan oleh PKM dan Pertubuhan Komunis Sarawak (PKS) dalam pemberontakan bersenjata di Tanah Melayu dan Sarawak.

Buku Aloysius Chin, *The Communist Party of Malaya: The Inside Story*,³⁰ menceritakan asal-usul komunisme di Tanah Melayu sehingga penamatan perjuangan PKM pada tahun 1989 dengan termeterainya Perjanjian Damai. Perbincangan buku ini lebih menumpukan kepada pelbagai taktik yang digunakan oleh komunis selaras dengan perubahan polisi PKM dan komunisme dunia dalam percubaan menggulingkan kerajaan British di Tanah Melayu dan Singapura. Manakala keadaan sosial di Tanah Melayu pada zaman darurat tidak disentuh oleh Aloysius.

Yong C.F. juga menghasilkan sebuah buku berkaitan komunis yang bertajuk *The Origins of Malayan Communism*.³¹ Walaupun buku ini berjaya membincangkan pergerakan komunis secara berperingkat-peringkat di Tanah Melayu sejak tahun 1910-an, tetapi buku ini bertumpu kepada pelopor dan penyebar pengaruh komunis berbangsa Cina dalam pergerakan komunis di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Pergerakan komunis dan keadaan sosial di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua serta zaman darurat langsung tidak dibincangkan dalam buku ini.

Pada tahun 1999, Wong Siew Kuon menghasilkan sebuah tulisan bertajuk *Masalah-Masalah Setinggan Cina Di Daerah Ulu Langat, Selangor Pada Masa Darurat 1948-1960*.³² Walaupun Wong Siew Kuon ada menyatakan serba sedikit masalah yang

dihadapi oleh setinggan di daerah Hulu Langat kesan rancangan kampung baru yang dijalankan oleh pihak berkuasa, tetapi kajian beliau hanya tertumpu kepada kawasan Hulu Langat dan masalah setinggan Cina di bawah Rancangan Briggs sahaja. Tulisan ini tidak menyeluruh dan tidak merangkumi aspek sosial seperti kehidupan penduduk, hubungan kaum, pendidikan dan kemudahan asas.

Akhir-akhir ini terdapat beberapa buah tulisan yang dihasilkan oleh mereka (anggota pasukan keselamatan) yang terlibat secara langsung dalam usaha kerajaan British memburu dan menentang pengganas komunis di Tanah Melayu. Bagaimanapun, tulisan mereka dihasilkan berdasarkan pengalaman penulis dan sumber penyelidikan lain tidak ditekankan. Antaranya, Yuen Yuet Leng menulis buku bertajuk *Operation Ginger*³³ dan diterbitkan pada tahun 1998. Namun begitu, kajian beliau hanya tertumpu kepada kawasan Sungai Siput, Perak di mana Operasi Ginger dilancarkan.

Sementara itu, buku Dato' J.J. Raj bertajuk *The War Years & After*³⁴ ada menyentuh tentang komunis dan darurat di Tanah Melayu. Bagaimanapun, penulis tidak memberi perhatian dalam perbincangannya tentang keadaan sosial di Tanah Melayu sebagaimana dalam skop kajian tesis ini. Sebaliknya, yang dibincangkan oleh beliau adalah langkah atau usaha kerajaan dalam menangani komunis.

Tulisan terbaru tentang komunis di Semenanjung Malaysia yang dihasilkan oleh A. Navaratnam yang bertajuk *The Spear and The Kerambit: The Exploits of VAT 69, Malaysia's Elite Fighting Force 1968-1989*³⁵ pada tahun 2001. Bagaimanapun, skop kajian beliau tertumpu kepada darurat II yang bermula pada tahun 1968 dan operasi-operasi VAT 69 dalam membanteras komunis di Semenanjung Malaysia.

Daripada kajian perpustakaan ini, jelas menunjukkan bahawa hingga setakat ini hampir kesemua tulisan yang berkaitan dengan komunis dan darurat tidak memberi

perhatian yang sewajarnya kepada keadaan sosial di Tanah Melayu pada zaman darurat. Keadaan kehidupan penduduk, hubungan kaum, pendidikan dan kemudahan asas yang merupakan tema utama tesis ini, bukan sahaja tidak diberi penekanan yang sepatutnya, malahan tidak disentuh langsung dalam sesetengah tulisan. Sebaliknya, para pengkaji lebih menekankan perkembangan komunis, gerakan, strategi, taktik dan pemberontakan komunis sehingga pengisytiharan darurat dan langkah-langkah kerajaan untuk membanteras gerakan komunis di Tanah Melayu. Oleh itu, diharapkan dengan adanya kajian ini, ruang kosong yang wujud dalam sejarah Malaysia itu dapat dipenuhi.

Memandangkan tulisan-tulisan sebelum ini tidak memberi tumpuan perbincangan kepada keadaan sosial di Tanah Melayu antara tempoh 1948-1960, maka kajian ini dilakukan. Aspek sosial yang dipilih untuk tesis ini, iaitu kehidupan penduduk, hubungan kaum, pendidikan dan kemudahan asas bukan sahaja tidak pernah diberi perhatian yang sewajarnya, malah tidak disentuh dalam sesetengah tulisan yang berkaitan komunis dan darurat. Kehidupan penduduk Tanah Melayu yang begitu sukar sekali dan tidak menentu dalam zaman darurat hasil keganasan komunis dan tekanan kerajaan tidak dibincangkan dalam tulisan sebelum ini. Oleh itu, aspek ini diberi penekanan dengan disertai berbagai bukti kejahatan dan kekejaman komunis terhadap penduduk Tanah Melayu. Begitu juga, tesis ini memaparkan kesusahan yang dihadapi oleh penduduk akibat tindakan kerajaan dalam usaha menangani komunis.

Pengaruh darurat ke atas hubungan kaum di Tanah Melayu pada zaman darurat juga tidak diberi penekanan oleh pengkaji sebelum ini. Dengan itu, kajian ini cuba meneliti perkembangan dan beberapa isu yang berlaku ketika itu, dan merumitkan hubungan antara penduduk berbilang kaum di Tanah Melayu. Situasi pada zaman itu akhirnya menimbulkan kesedaran di kalangan pihak kerajaan dan pemimpin kaum untuk

mencari jalan penyelesaian kepada masalah tersebut. Ini membawa kepada pembentukan *Communities Liaison Committee* (CLC), *Malayan Chinese Association* (MCA) dan Perikatan UMNO-MCA-MIC.

Kesan dan kepentingan darurat terhadap perkembangan pendidikan di Tanah Melayu juga belum mendapat penelitian daripada para pengkaji sebelum ini. Oleh itu, kajian ini juga cuba memaparkan bahawa darurat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan dalam memupuk semangat kenegaraan dan menyatupadukan penduduk berbilang kaum di Tanah Melayu. Dengan adanya penyatuan dan kerjasama daripada penduduk, Tanah Melayu akan dapat menumpaskan pihak komunis secepat mungkin dan keamanan negara dapat dipulihkan semula.

Pembangunan kemudahan asas kepada penduduk Tanah Melayu pada zaman darurat belum pernah dibincangkan oleh para pengkaji setakat ini. Begitu juga, pengaruh darurat kepada pembangunan dan penyediaan kemudahan asas di Tanah Melayu tidak lagi diteliti. Maka, aspek ini dipilih dan berbagai contoh disertakan untuk menjelaskan situasi tersebut.

Dalam pada itu, sebahagian daripada sumber penyelidikan dalam tesis ini belum digunakan atau diberi penekanan oleh para pengkaji dan penulis sebelum ini. Akhbar Cina, misalnya, tidak digunakan dalam tulisan berkaitan komunis dan darurat setakat ini, kecuali dalam buku Yong C.F., *The Origins of Malayan Communism*. Namun begitu, buku ini hanya menggunakan akhbar Cina sebelum Perang Dunia Kedua. Begitu juga, dokumen dan fail rasmi berbagai jabatan kerajaan yang disimpan di Arkib Negara Malaysia dan cawangannya belum diberi perhatian sewajarnya dalam penulisan mengenai darurat dan komunis di Tanah Melayu. Setakat ini, sumber yang digunakan dalam tulisan mengenai komunis dan darurat banyak bertumpu kepada beberapa jenis akhbar Inggeris

seperti *The Straits Times*, *The Malay Mail* dan *The Malaya Tribune* serta sumber sekunder (buku dan artikel/jurnal). Hanya terdapat beberapa orang pengkaji yang meneliti sumber primer dalam kajian mereka. Misalnya, Wong Siew Kuon (*Masalah-Masalah Setinggan Cina Di Daerah Ulu Langat, Selangor Pada Masa Darurat 1948-1960*) ada menggunakan Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Fail *British Adviser Secretariat, Selangor Government Gazette*, Fail UMNO dan dua report dari C.O. 1022 di samping buku, akhbar, majalah dan latihan ilmiah. Sementara itu, Richard Stubbs dalam bukunya, *Hearts and Minds In Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960* menggunakan sumber *Cabinet Papers, Colonial Office Records, Foreign Office Records, Federal Secretariat Files, Malayan Union Secretariat Files, Chinese Affairs Files dan Labour Department Files*, akhbar Inggeris serta sumber sekunder. Manakala Victor Purcell dalam bukunya *Malaya: Communist or Free?* menggunakan *Federation of Malaya Annual Report* (1950 dan 1951), minit mesyuarat Majlis Perundangan Persekutuan, akhbar (*The Times, Straits Times* dan *Malay Mail*) dan buku. Cheah Boon Kheng, dalam bukunya *The Masked Comrades: A Study of The Communist United Front in Malaya, 1945-1948* pula bersumberkan C.O. 273, Fail *Malayan Union*, akhbar Inggeris, beberapa report rasmi kerajaan, buku dan jurnal. Anthony Short, *In Pursuit of Mountain Rats: The Communist Insurrection in Malaya* menggunakan sumber rujukan seperti buku, monograf, artikel dan beberapa laporan kerajaan serta bahan dari HMSO.

Selain itu, tulisan-tulisan lain yang berkaitan dengan komunis dan darurat tidak memberi penekanan dalam penggunaan sumber kajian di mana kebanyakannya bergantung kepada sumber sekunder. Misalnya, dalam buku Richard Clutterbuck, *Riot and Revolution In Singapore and Malaya 1945-1963* sebahagian besar sumber yang digunakan adalah sumber sekunder. Begitu juga, dalam buku Gwee Hock Aun, *The*

Emergency In Malaya, di mana hanya terdapat 21 bahan rujukan yang disenaraikan. Bahan tersebut pula terdiri daripada buku, kecuali tiga jenis akhbar (*The Nippon Times*, *The Straits Times (Malaya)* dan *The Straits Echo & Times of Malaya*). Manakala sumber rujukan utama dalam buku Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle In Malaya* adalah buku dan artikel, di samping empat jenis akhbar Inggeris dan enam majalah berkala. Sementara itu, buku seperti *Operation Ginger* oleh Yuen Yuet Leng, *The War Years & After* oleh Dato' J.J. Raj dan *The Spear and The Kerambit* oleh A. Navaratnam pula ditulis semata-mata berdasarkan kepada pengalaman penulis sahaja. Dengan itu, diharapkan dengan kajian tesis Ph.D. ini, bahan penyelidikan yang berkaitan dapat dicungkil dan digunakan dengan sepenuhnya.

Untuk mengatasi kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam tulisan para pengkaji sebelum ini, berbagai sumber digunakan dalam menyiapkan tesis ini. Antaranya, fail-fail rasmi kerajaan, rekod-rekod kerajaan Persekutuan dan Negeri serta laporan-laporan yang terdapat di Arkib Negara, Kuala Lumpur dan cawangannya di Johor Bahru (Johor), Kuala Terengganu (Terengganu), Alor Setar (Kedah), Ipoh (Perak), Pulau Pinang dan Kota Bharu (Kelantan). Dokumen itu meliputi berbagai jabatan/pejabat kerajaan seperti Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Pejabat-pejabat Daerah, Jabatan Penerangan Persekutuan dan Negeri, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Parit dan Talair Persekutuan dan Negeri, Kementerian/Pejabat Pelajaran Persekutuan dan Negeri, *High Commissioner's Office*, Jabatan Peguam Negara, Pejabat Perancang Bandar dan Kampung, Gerakan Sempadan, Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, Pejabat Kerja Raya Negeri, Pejabat Pertanian Negeri, Pejabat Tanah Negeri, Pejabat Menteri Besar, Pejabat Polis Daerah dan Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pejabat Perhubungan Raya Persekutuan Tanah Melayu. Sementara itu, antara laporan-

laporan berkaitan yang diteliti termasuk *Federation of Malaya Annual Report*, *Malayan Establishment Staff List*, *Federation of Malaya Staff List*, *The Federation of Malaya Year Book*, *Malaysia Year Book*, *Malayan Telecommunication Service Annual Report*, *The Drainage & Irrigation Department Annual Report*, *The Public Works Department Annual Report*, *Central Electricity Board Annual Report*, *Malayan Railway Administration Report* dan laporan-laporan pendidikan. Sumber lain yang digunakan dalam tesis ini ialah surat-surat persendirian yang disimpan di Arkib Negara. Ini termasuk surat persendirian Aminuddin Baki, C.C. Too, Kolonel H.S. Lee, Leong Yew Koh, Tan Cheng Lock, Tan Siew Sin dan Za'ba. Selain itu, bahan-bahan dalam bentuk mikrofilem seperti rekod Pejabat Kolonial (C.O. 273, C.O. 537, C.O. 576, C.O. 717, C.O. 825, C.O. 1022, C.O. 1030), rekod *Rhodes House Library* dan laporan dari *U.S. Office of Strategic Services* di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya dan sebahagiannya di Arkib Negara, Kuala Lumpur juga digunakan dalam memperlengkapkan lagi tesis ini. Dalam pada itu, berbagai jenis akhbar dalam bahasa Cina, Melayu dan Inggeris yang diterbitkan pada tempoh 1948-1960 digunakan untuk memperkuatkkan maklumat berkaitan dengan kajian ini. Rekod-rekod temubual berkaitan darurat dan komunis yang telah dirakamkan oleh pihak berkenaan juga digunakan. Di samping itu, buku, majalah, kertas seminar/persidangan, artikel dan kajian ilmiah turut digunakan untuk memperkemaskan lagi tesis ini.

Dalam usaha menyediakan tesis ini, beberapa masalah dihadapi. Antaranya, terdapat sebahagian akhbar dan dokumen yang hilang atau tidak lengkap. Selain itu, fail-fail berkenaan CLC yang disimpan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur tidak dapat diteliti kerana gagal dikesan walaupun dengan bantuan kakitangan Arkib Negara. Begitu juga, terdapat beberapa fail kerajaan yang berkaitan dengan kajian tidak dapat diperolehi

kerana tidak dapat dikesan oleh kakitangan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan cawangan-cawangannya. Terdapat juga maklumat yang disimpan dalam bentuk mikrofilem sudah tidak dapat dibaca kerana tulisannya kabur. Sesetengah dokumen yang disimpan di Arkib Negara dan cawangannya masih dalam taraf sulit dan tidak dapat diteliti. Di samping itu, maklumat lanjut mengenai beberapa pemimpin yang disebut dalam tesis ini tidak diperolehi kerana latar belakang mereka tidak dapat dikesan dalam dokumen yang ada.

¹ Victor Purcell, *Malaya: Communist or Free?*, California: Stanford University Press, 1955.

² *Handbook To Malaya (Federation of Malaya and The Colony of Singapore) and The Emergency*, Singapore: The Department of Information, Federation of Malaya, Public Relations Office, Singapore and The Regional Information Office For The United Kingdom in South-East Asia, Singapore, July 1956.

³ Lucien W. Pye, *Guerrilla Communism In Malaya: Its Social And Political Meaning*, New Jersey: Princeton University Press, 1956.

⁴ Anthony Short, "Communism and The Emergency", dalam Wang Gungwu (ed.), *Malaysia: A Survey*, London and Dunmow: Pall Mall Press, 1964, hlm. 149-160.

⁵ Park Bum-joon Lee, 'The British Experience of Counter-Insurgent War in Malaya The Emergency 1948-1960', Ph.D. Thesis, American University, Washington, 1965.

⁶ Rhoderick Dhu Renick, "The Emergency Regulation of Malaya Causes and Effect", *JSEAH*, Vol 6, No. 2, September 1965, hlm. 1-39.

⁷ Gwee Hock Aun, *The Emergency in Malaya*, Pulau Pinang: Sinaran, 1966.

⁸ Richard Clutterbuck, *The Long Long War: The Emergency in Malaya 1948-1960*, London: Cassel and Company Limited, 1967.

⁹ Justus M. Van Der Kroef, *Communism in Malaysia and Singapore: A Contemporary Survey*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1967.

¹⁰ Buku ini mengandungi tujuh bab. Bab 1 dan 3 berkaitan dengan komunis di Tanah Melayu. Bab 2 berkenaan dengan komunis di Singapura. Bab 4 membincangkan perkembangan dan masalah komunis di Sarawak. Bab 5 berkaitan kegiatan subversif di Sabah dan Brunei. Bab 6 pula membincangkan pengaruh komunis di Indonesia dan hubungan dengan Peking. Bab 7 adalah bab kesimpulan.

¹¹ P B G. Waller, *Notes on The Malayan Emergency: Strategies and Organization of The Opposing Force*, U.S.A.: Stanford Research Institute, 1967.

¹² Sam Charles Sarkesian, 'The Critical Period In Revolutionary Warfare: A Study of The Emergency In Malaya', Ph.D. Thesis, Faculty of Political Science, Columbia University, 1969.

¹³ Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1971.

¹⁴ Harry Miller, *Jungle War in Malaya: The Campaign Against Communism 1948-1960*, London: Arthur Barker Ltd., 1972.

¹⁵ Richard Clutterbuck, *Riot and Revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*, London: Faber and Faber Limited, 1973.

¹⁶ Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, London: Frederick Muller Ltd., 1975.

¹⁷ Anthony Short, *In Pursuit of Mountain Rats: The Communist Insurrection in Malaya*, Singapore: Cultured Lotus, 2000

¹⁸ Ramlan Hamzah, "Parti Kominis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya", *Jebat*, Bil. 3/4, 1973-75, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1975, hlm. 57-70.

- ¹⁹ Cheah Boon Kheng, "Some Aspects of The Malayan Emergency 1948-1960", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *The History of South-East, South and East Asia: Essays and Documents*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 111-120.
- ²⁰ Cheah Boon Kheng, *The Masked Comrades: A Study of The Communist United Front in Malaya, 1945-1948*, Singapore: Times Books International, 1979.
- ²¹ Osman Mamat, *Darurat di Terengganu 1948-1960: Beberapa Aspek Ekonomi dan Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
- ²² Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang (penyunting), *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera Malaysia, 1984.
- ²³ Baharon Mansor dan Abu Bakar Majid, "Kegiatan Komunis dan Kesannya ke atas Hubungan Kaum: Bukit Tambun dan Bukit Junun", dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang (penyunting), *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera Malaysia, 1984, hlm. 125-144.
- ²⁴ Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya 1941-1946*, Singapore: Singapore University Press, 1983.
- ²⁵ Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press, 1989.
- ²⁶ John Coates, *Suppressing Insurgency: An Analysis of The Malayan Emergency, 1948-1954*, Boulder: Westview Press, 1992.
- ²⁷ Mahmud Embong, "Penglibatan Orang Melayu dalam Pergerakan Komunis Peringkat Awal di Tanah Melayu, 1924-1938", *Purba*, Bil. 11, 1992, hlm. 81-92.
- ²⁸ Mahmud Embong, "Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949", dalam Kobkua Suwannathat-Pian, Rohany Nasir, Mohammad Agus Yusoff (penyunting), *Dua Dekad Penyelidikan: Sejarah-Bahasa dan Kebudayaan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992, hlm. 21-39.
- ²⁹ Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- ³⁰ Aloysius Chin, *The Communist Party of Malaya: The Inside Story*, Kuala Lumpur: Vinpress, 1995.
- ³¹ Yong C.F., *The Origins of Malayan Communism*, Singapore: South Seas Society, 1997.
- ³² Wong Siew Kuon, *Masalah-Masalah Setinggan Cina Di Daerah Ulu Langat, Selangor Pada Masa Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, 1999.
- ³³ Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, Kuala Lumpur: Vinpress, 1998.
- ³⁴ Dato' J.J. Raj, *The War Years & After*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2000.
- ³⁵ A. Navaratnam, *The Spear and The Kerambit: The Exploits of VAT 69, Malaysia's Elite Fighting Force 1968-1989*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2001.